Utusan Borneo : 25 November 2026

Lelaki miliki kulit harimau tanpa lesen sah didenda RM10,000

SIBU: Seorang lelaki dijatuhi hukuman denda RM10,000 atau penjara lima bulan oleh Mahkamah Sesyen Sibu, semalam kerana memiliki kulit harimau dahan Sunda tanpa lesen yang sah.

Tang Sing Kiong, 45, dikenakan hukuman itu setelah mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan mengikut Seksyen 37(1) Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998 dan dihukum mengikut Seksyen 37(2)(a) yang dibacakan bersama Seksyen 29(1)(c) ordinan yang sama.

Sabit kesalahan di bawah Seksyen 37(2)(a) boleh dipenjara tidak melebihi dua tahun dan denda sehingga RM25,000.

Dalam rayuan sebelum dijatuhkan hukuman, Tang memberitahu mahkamah bahawa dia perlu menyara keluarganya, selain perlu menjaga kedua-dua orang tuanya yang baharu sahaja keluar dari hospital pada 18 November lepas.

Dia terdahulu didakwa memiliki kulit harimau dahan Sunda tanpa lesen yang sah di sebuah premis di Jalan Cempaka pada 5 Jun 2024, jam lebih kurang 10.07 pagi.

Berdasarkan fakta kes, pada 5 Jun 2024, jam lebih kurang 10.07 pagi, sepasukan lapan anggota dari Sarawak Forestry Corporation (SFC) bersama anggota Polis Marin Wilayah 5 di Sibu telah menjalankan Operasi Bersepadu Khazanah di sebuah premis di Jalan Cempaka.

Dalam serbuan itu, tertuduh didapati memiliki satu kulit harimau dahan Sunda, yang kemudian dirampas sebagai bahan bukti.

Selain itu, tertuduh juga dikesan memiliki 60 ekor ikan arowana tanpa lesen dan dikenakan kompaun.